

Penyakit Bebenang

JENIS-JENIS

Terdapat 2 jenis penyakit bebenang yang biasa ditemui di ladang-ladang koko di Malaysia iaitu:

- Penyakit bebenang putih yang disebabkan oleh ***Marasmius scandens***.
- Penyakit bebenang bulu kuda yang disebabkan oleh ***M. equicrinus***.

SIMPTOM

- Jalur-jalur bebenang putih atau hitam (rizomorfa) yang melekat pada permukaan kulit dahan dan daun.
- Daun yang mati akan bergantung pada dahan dan tidak gugur ketanah. Daun-daun ini dilekatkan oleh rizomorfa kulat.

PENYEBARAN

- Penyakit ini disebar oleh spora yang tumbuh pada bahan-bahan mati pada ranting pokok koko dan membentuk rizomorfa. Dalam keadaan yang sesuai kulat ini menghasilkan cendawan. Spora-spora dihasilkan di dalam insang dibahagian bawah cendawan dan disebarkan oleh angin dan hujan.

PENGAWALAN

- Cantasan yang sempurna perlu dilakukan bagi mengurangkan kelembaban di dalam ladang koko.
- Perlindungan yang berlebihan perlu dikurangkan.
- Bahagian pokok yang berpenyakit dan daun-daun kering yang bergantung pada dahan perlu dibuang dan dibakar.
- Kawalan kimia boleh dilakukan dengan menyembur fungisid sentuhan yang mengandungi kuperam. Bahan pelekat seperti Tanac digalakan untuk dicampur semasa penyemburan fungisid.

